

8 MAR 1996

MAHKAMAH BENARKAN PERMOHONAN LTAM UNTUK BATALKAN SAMAN JURULATIH

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini membenarkan permohonan Persatuan Tennis Malaysia (LTAM) dan penjawat jawatannya untuk membatalkan saman terhadap mereka yang dikemukakan oleh seorang jurulatih tenis.

Penolong Kanan Pendaftar Noor Hayati Mat membenarkan permohonan atas alasan bahawa jurulatih itu, Mad Fadillah atau Mohamed Fadillah Mohamed Ghani, tidak mempunyai locus standi (kelayakan undang-undang).

Mad Fadillah, bekas jurulatih Piala Davis, mendakwa penjawat jawatan LTAM yang diketuai Tun Ghafar Baba tidak dipilih mengikut prosedur yang betul pada mesyuarat agung dwitahunannya pada 22 Jan tahun lepas kerana wakil daripada Persatuan Tennis Johor yang dibatalkan pendaftarannya dibenarkan mengundi pada mesyuarat agung itu.

Beliau juga mendakwa seorang wakil daripada Persatuan Tennis Johor dibenarkan dipilih dalam jawatankuasa LTAM.

Mad Fadillah juga memohon satu perintah untuk menghalang LTAM daripada membabitkan diri dalam sebarang aktiviti sukan sehingga saman itu didengar.

Pegam Mahathir Abdullah yang mewakili Md Fadillah memberitahu pemberita bahawa mereka akan mengemukakan rayuan terhadap keputusan itu.

Pegam T. Gunaseelan mewakili LTAM dan penjawat jawatannya. -- BERNAMA
NHD AKD